

# Kesihatan Dr Mahathir di UN kian stabil, terima tetamu

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad yang menerima rawatan di Unit Rawatan Koronari (CCU), Institut Jantung Negara (UN) sejak awal pagi kelmarin kerana serangan sakit jantung ringan, kini semakin sihat.

Pengurus Komunikasi Korporat UN, Alawiyah Yussof, berkata Dr Mahathir semakin pulih selepas dua hari dirawat di CCU dan pemeriksaan yang dibuat semalam mengesahkan bekas Perdana Menteri itu hanya mengalami serangan jantung ringan.

Katanya, doktor yang memeriksa Dr Mahathir berpuas hati dengan keadaan kesihatan bekas Perdana Menteri itu yang sudah tidak mengalami masalah, malah dapat ma-

kan serta tidur nyenyak pada 24 jam pertama selepas dimasukkan ke UN.

"Pagi ini (semalam) Dr Mahathir menjalani pemeriksaan darah, x-ray dan echocardiography rutin dan berada dalam keadaan stabil di CCU," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan media yang diedarkan kepada pemberita yang menunggu di pekarangan UN di sini, semalam, untuk mengetahui perkembangan terkini kesihatan Dr Mahathir.

Ketika ditemui kemudian, Alawiyah berkata, Dr Mahathir yang mengalami masalah serangan 'mild myocardial infarct' dijangka dipindahkan ke wad biasa dalam masa sehari dua lagi.

Bekas Perdana Menteri itu pernah menjalani pembedahan pintasan jantung di UN pada 1989 dan sering menjalankan pemeriksaan susulan di sana.

Pada 1999, beliau dimasukkan ke UN untuk berehat dan menjalani ra-

*"Dr Mahathir dijangka dipindahkan ke wad biasa dan akan terus berada di bawah pemerhatian"*

**Alawiyah Yussof**  
Pengurus Komunikasi Korporat UN

watan kerana jangkitan paru-paru sekembalinya dari mengerjakan ibadat haji. Kali terakhir Dr Mahathir memasuki UN ialah tahun lalu bagi mendapatkan rawatan susulan.

Dr Mahathir, isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta anggota keluarga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua rakyat Malaysia dan rakan dari luar negara yang menghantar kad serta mendoakan kesihatan bekas Perdana Menteri itu.

Anaknya, Datuk Mokhzani ketika ditemui pula berkata, bapanya sudah semakin sihat dan tidak lagi berada di atas katil sepanjang masa.

"Beliau sudah duduk di sofa," katanya yang enggan mengulas lanjut.

Isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor turut melawat Dr Mahathir dan berbual dengan Dr Siti Hasmah selama kira-kira dua jam semalam.

Antara orang kenamaan lain yang mengunjungi Dr Mahathir ialah Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah; Ahli Parlimen Kalabakan, Datuk Abdul Ghafur Salleh; Exco Pemuda Umno, Datuk Pirdaus Ismail; Ketua Pembangkang Lim Kit Siang dan Timbalan Pengerusi DAP, Dr Tan Seng Giaw.

Sementara itu, Kit Siang berkata, ketika beliau dan Dr Tan melawat bekas Perdana Menteri itu, Dr Mahathir kelihatan sihat dan duduk di atas kerusi sambil membaca buku.